

PERSEPSI PELAJAR DPLI TERHADAP KURSUS KBAT 2017

***The Perception of DPLI Students Towards
Higher Order Thinking Skills (HOTS) 2017 Course***

Ong Eng Sing @ Peter Ong
Faridah Anum Abdul Wahid*

Ching Ing Hoe

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
faridah_anum@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi pelajar Diploma Perguruan Lepasan Ijazah (DPLI) Ambilan Januari 2017 terhadap kursus KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) 2017 di IPGKIK (Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas) yang dijalankan pada 20 Januari 2017. Reka bentuk tinjauan pasca-intervensi digunakan di mana sampel kajian ini terdiri daripada 18 orang pelajar DPLI dari IPGKIK. Kaedah soal selidik yang terdiri daripada 19 item skala Likert digunakan sebagai kaedah pengumpulan data. Analisis data soal selidik item skala Likert mendapati sampel kajian mempunyai persepsi yang positif merentas kesemua item dengan purata min = 4.2 dan s.p = 0.7. Kajian mendapati bahawa sampel kajian bersetuju iaitu Kursus KBAT adalah penting untuk pelajar DPLI sebagai pendidik pada masa kini dan juga pada masa hadapan. Selain itu, peserta kursus mendapati kursus ini telah berjaya dikendalikan oleh Biro JU Muda IPGKIK dengan jayanya dan berkesan.

Kata kunci: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

ABSTRACT

This study was conducted to gauge the perception of DPLI students towards the Higher Order Thinking Skills course which was held on 20 January 2017 at the Teacher Education Institute Ilmu Khas Campus (IPGKIK). The research design employed in this research was that of a post-intervention survey in which the participants comprised of 18 DPLI students from the Specialist Teachers Training Institute Kuala Lumpur. A 19-item Likert Scale questionnaire was administered. The analysis of the questionnaire indicates that the participants have positive views for all the items with an overall mean of 4.2 and standard deviation of 0.7. The findings of this study indicate that the participants perceived the Higher Order Thinking Skills as vital to all present and future educators. All participants unanimously agreed that the course was indeed conducted successfully.

Keywords: Higher Order Thinking Skill (HOTS)